



Yayasan Waqaf Malaysia

**KENYATAAN MEDIA
YAYASAN WAQAF MALAYSIA**

**PELANTIKAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
YAYASAN WAQAF MALAYSIA BAHARU**

-
1. Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) hari ini mengumumkan pelantikan Yang Berusaha Dr. Ridzwan Bakar sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) yang baharu berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2023.
 2. Dr. Ridzwan Bakar merupakan anak kelahiran Klang, Selangor yang memiliki pengalaman luas dalam bidang ekonomi khususnya dalam kewangan Islam dan wakaf. Berkelulusan Doktor Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari Universiti Teknologi Mara dan Sarjana Pengurusan Kewangan dari University Of Hull, United Kingdom dan Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
 3. Beliau sebelum ini telah berkhidmat sebagai Pengarah Yayasan Multimedia Malaysia (MMU) dan turut berkhidmat sebagai Pensyarah Profesional di MMU sejak tahun 2011. Beliau juga merupakan seorang akauntan yang bertauliah profesional dan pakar rujuk dalam bidang Kewangan Sosial Islam dan Wakaf. Sebelum menyertai MMU secara sepenuh masa, beliau mempunyai lebih daripada 21 tahun pengalaman korporat dengan menerajui jawatan sebagai Ketua Jabatan Strategi Korporat, Kewangan Korporat, Akauntan di Telekom Malaysia, TMNet Sdn. Bdn, Projek Multimedia Super - Corridor (MSC) dan Sapura Holdings.
 4. Sebagai ahli profesional dan pakar rujuk dalam bidang Kewangan Sosial Islam dan Wakaf, beliau banyak terlibat dengan bidang perundingan dan nasihat di peringkat dalam negara dan luar negara. Beliau pernah menerajui beberapa perundingan dan penasihat berimpak tinggi dalam bidang wakaf antaranya sebagai Ahli Perunding Wakaf Brunei Darussalam pada tahun 2021 - 2022 dan pernah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWM pada 2019 - 2021.
 5. Kini, beliau turut mengetuai beberapa projek berskala besar iaitu sebagai Penggerusi *Blueprint Islamic Socio Economy for Malaysia* (DSEU), Ahli Pakar Penasihat *Waqf Smart City Pahang, Malaysia* pada tahun 2017-2024, *Malaysia*

Islamic Accounting Standards for Baitulmal, Zakat and Waqf (PPIBZW Accountants' General, Malaysia) pada tahun 2018-2024, dalam kajian mengenai Hospital Wakaf dan Wakaf Digital Global. Beliau juga aktif dan mengetuai beberapa badan NGO seperti Bendahari dan Ahli Majlis Tindakan Wakaf Antarabangsa (iWaqf), Pengasas dan Pemilik Sekolah Pondok Al-Quran Wakaf Pasentren Miftahulkhoir (MQBS), Bandung, Indonesia dan Tabung Warisan Kesihatan (TWKK).

6. Dengan pengalaman luas lebih dari 21 tahun di dalam sektor korporat dan bidang Kewangan Sosial Islam khususnya wakaf, Dr. Ridzwan Bakar akan menerajui dan memperkuuhkan lagi operasi dan gerak kerja YWM sekaligus memacu pembangunan wakaf di Malaysia.

Sekian, terima kasih

YAYASAN WAQAF MALAYSIA
1 OKTOBER 2023

Maklumat Yayasan Waqaf Malaysia

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) adalah sebuah entiti wakaf kebangsaan yang telah ditubuhkan pada 23 Julai 2008 dan didaftarkan di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]. Untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai YWM, sila layari www.ywm.gov.my

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

1. **Cik Haidatul Azia binti Husin**
Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-3883395 | azia@ywm.gov.my

2. **Cik Nur Ain binti Mohd Nazri**
Pegawai Media
Yayasan Waqaf Malaysia
011-33065054 | nurain.nazri@ywm.gov.my